

RIMBA MURAI GUNUNG
Blue-winged Minla

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Minla cyanouroptera*

CIRI-CIRI: Individu dewasa bagi sub-spesies *M.c.sordida* mempunyai bentuk yang kurus, bahagian ekor yang panjang serta terdapat warna biru keunguan pada bahagian primer sayap dan ekor. Individu ini mempunyai bahagian kening yang panjang berwarna putih manakala pada bahagian mahkota kepala, terdapat jalur-jalur berwarna biru keunguan yang gelap serta jalur-jalur berwarna biru keunguan yang kurang jelas, pada bahagian hadapan kepala (kadang-kala menampakkan jalur kekelabuan yang pudar), Individu ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat manakala bahagian atas belakang badan berwarna kelabu. Bahagian atas pangkal ekor berwarna pudar dan bahagian bawah badan yang berwarna putih kekelabuan serta bahagian bawah tongkeng yang berwarna putih. Berdasarkan pandangan dari bahagian bawah, kelihatan bahagian ekor yang berwarna putih dan sedikit jalur sempadan yang berwarna hitam. Bagi sub-spesies *M.c.aglae* (barat Myanmar), ia mempunyai jalur-jalur berwarna biru gelap dan kelabu pudar pada bahagian hadapan mahkota kepala. Individu ini mempunyai jalur pada bahagian hadapan dan sisi mahkota kepala yang berwarna biru manakala bahagian kening berwarna putih. Ia juga mempunyai bahagian atas belakang badan yang berwarna yang cerah, bahagian dada dan rengkong yang berwarna kelabu serta bahagian hujung sayap dan ekor yang berwarna biru. Bagi sub-spesies *wingatei* (bahagian utara dan timur Myanmar, barat laut[utara ke timur] Thailand dan utara Indochina) berada pada peringkat pertengahan manakala bagi sub-spesies *sordidor* (selatan Thailand, Semenanjung Malaysia), ia mempunyai bahagian kepala mahkota serta bahagian atas badan yang berwarna coklat. Sub-spesies *orientalis* (selatan Annam) mempunyai saiz yang lebih besar (15.5 hingga 17.5 sm). Individu ini mempunyai bahagian mahkota kepala dan bahagian belakang tengkuk yang berwarna coklat, bahagian atas belakang badan yang berwarna coklat manakala bahagian bawah atas tongkeng dan bahagian atas pangkal ekor yang berwarna kekelabuan. Individu ini juga mempunyai bahagian sayap dan ekor yang pudar serta bahagian hujung ke bahagian sekunder sayap yang berwarna putih manakala bahagian bawah badan berwarna putih. Individu juvenil bagi spesies ini mempunyai bahagian mahkota kepala dan bahagian belakang tengkuk berwarna coklat yang lebih gelap dari individu dewasa. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 14 hingga 15.5 sm.

MAKANAN: Makanan utama spesies ini terdiri buah-buahan yang bersaiz kecil, biji-bijian dan nektar.

HABITAT: Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan kawasan hutan sekunder, pada ketinggian di antara 900 hingga 2,600 m dari aras laut.

PEMBIAKAN: Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Disember hingga Jun di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan di kawasan belukar atau pokok, dan kadang-kala pada bahagian lubang di kawasan tebing tanah, pada ketinggian sehingga ke 8 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 2 hingga 5 biji, berwarna biru ke warna putih kebiruan serta terdapat sedikit titik-titik berwarna coklat kemerahan dan ungu ke arah hujung bahagian telur yang lebar. Telur ini berukuran kira-kira 18.4 X 14.1 mm.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.